

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 09 JUN 2022

KERATAN AKHBAR

Pencemaran bau dikesan di Stesen Pemantau Sungai, 3 LRA berisiko henti tugas

Shah Alam: Lembaga Urus Air Selangor (Luas) memaklumkan terdapat insiden pencemaran bau seakan diesel sehingga tiga ton dikesan Stesen Pemantau Sungai (RMS) Seksyen 3, Bangi, pada 11.15 pagi hari ini.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Tetap Pelancongan, Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwat Orang Asli negeri Hee Loy Sian berkata, insiden berkenaan dilaporkan oleh Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor).

Katanya, susulan itu pemantauan Ops Sumber Air Negeri Selangor yang diurusetikan oleh Luas bersama agensi berkaitan seperti Suruhanjaya Air Negara (Span) dan Air Selangor mengaktifkan siasatan ke beberapa lokasi bagi mengenal pasti punca pencemaran itu.

"LUAS sudah mengaktifkan Kod Kuning berdasarkan Manual Kecemasan Pencemaran Sumber Air bagi siasatan secara menyeluruh ke kawasan terbabut di hulu muka sauk yang berisiko menyebabkan henti tugas Loji Rawatan Air (LRA) Semenyih 2, LRA Bukit Tampoi dan LRA Labohan Dagang.

"Anggaran jarak lokasi pencemaran ke tiga muka sauk LRA Semenyih 2 adalah 6.63 kilometer (km); LRA Bukit Tampoi (18 km) dan LRA Labohan Dagang (31.9 km)," katanya dalam kenyataan hari ini.

Beliau berkata, beberapa lokasi berpotensi menjadi punca pencemaran sudah disiasat Luas di Sungai Balak dan pensampelan ujian bau dijalankan mencatatkan bau sehingga dua ton manakala di Sungai Sekamat dan di kawasan hulu Sungai Langat, tiada sebarang penemuan berkaitan pencemaran dikesan dengan semakan bau kosong ton.

Katanya, sehingga 5 petang tadi tiada lagi kesan bau seakan minyak di sekitar Sungai Balak.

"Dalam pada itu, Luas juga menjalankan pemantauan statik dan pensampelan di sekitar Jambatan Kampung Teras Jernang dan pensampelan ujian bau dijalankan setiap 30 minit dan bacaan yang diperolehi sekitar dua ton." "Sehingga jam 9 malam tadi, tiada sebarang pencemaran di kesan di kawasan muka sauk LRA," katanya.